

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA]**
TARIKH : **11.6.2014**
SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai delegasi penuh lawatan kerja rombongan YAB. Timbalan Perdana Menteri ke Dubai, UAE dari 8 hingga 12 April 2014, serta kewajaran bagi penglibatan setiap peserta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Lawatan Kerja YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan ke UEA adalah bertujuan meningkatkan lagi hubungan bileteral pendidikan dan menonjolkan peranan Malaysia dalam hal ehwal pendidikan di peringkat antarabangsa khususnya berkaitan pengajian tinggi. Semasa lawatan tersebut, YAB Tan Sri bersama-sama dengan Menteri Kanan UAE telah merasmikan *Gulf Education and Training Exhibition (GETEX) 2014*, merasmikan Pavilion Pendidikan Malaysia yang menempatkan 27 booth pameran daripada IPT terlibat, menyampaikan ucapan dalam *Annual Investment Meeting (AIM) 2014*, dan menjadi tetamu kehormat dan menyampaikan ucapan dalam Majlis Ramah Mesra Bersama Diaspora Malaysia di UAE. Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Kerajaan UAE mengenai kerjasama dalam bidang pengajian tinggi yang telah dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana Menteri UEA berkaitan mempunyai komitmen lain yang lebih penting.

Di samping itu, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan juga turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri-menteri Kanan UAE, dan mengadakan pertemuan dengan wakil daripada syarikat UEA yang bercadang mengadakan projek usahasama dengan syarikat Malaysia. Pertemuan ini telah memberi impak yang besar kepada Malaysia khususnya dalam bidang perniagaan dan sudah pasti menjana ekonomi negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, delegasi lawatan kerja ini terdiri daripada pegawai-pegawai kanan Kementerian dan pegawai khas yang bertanggungjawab dalam menyelaraskan program-program yang telah dijadualkan. Kehadiran mereka adalah untuk memastikan semua program yang telah diatur berjalan dengan lancar dan seterusnya mengambil langkah tindakan susulan yang sewajarnya setelah kembali ke tanah air. Kehadiran pegawai pengiring dan pegawai khas adalah dibenarkan mengikut kelayakan dan kapasiti YAB Timbalan Perdana Menteri menjalankan tugas di luar negara.

Rjm49